

KEMPEN KELUARKAN TUNAI TANPA CAJ KETIKA**MUSIM HAJI****SOALAN LAZIM****1. Apakah itu Kempen Keluarkan Tunai Tanpa Caj ketika Musim Haji?**

Kempen 'Keluarkan Tunai Tanpa Caj ketika Musim Haji' merupakan program promosi yang menawarkan pengecualian caj pengeluaran tunai melalui Kad Debit-i Bank Rakyat sepanjang musim haji.

2. Bilakah kempen ini dianjurkan?

Kempen ini berlangsung bermula 1 Mei 2025 sehingga 31 Julai 2025.

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Debit-i Bank Rakyat termasuk warga kerja Bank Rakyat.

4. Bagaimanakah untuk menyertai kempen ini?

- Pemegang Kad Debit-i Bank Rakyat perlu mengaktifkan Kad Debit-i Bank Rakyat di aplikasi mudah alih iRakyat atau perbankan internet iRakyat.
- Penyertaan kempen adalah secara automatik apabila pemegang kad membuat transaksi pengeluaran tunai ketika musim haji di Arab Saudi.

5. Apakah keistimewaan yang ditawarkan menerusi kempen ini?

Pemegang Kad akan mendapat pengecualian fi atau caj pengeluaran apabila membuat transaksi pengeluaran tunai melalui mesin ATM di Arab Saudi. Tiada had jumlah minimum pengeluaran ditetapkan untuk kelayakan menyertai kempen ini.

6. Adakah terdapat sebarang had untuk bilangan transaksi pengeluaran tunai yang boleh dilakukan untuk menyertai kempen ini?

Had maksimum pengeluaran tunai di luar negara yang dibenarkan ialah sebanyak tujuh kali dalam sehari.

7. Bilakah caj pengeluaran yang dikenakan akan dikembalikan ke akaun pemegang kad bagi pengeluaran tunai melalui ATM di Arab Saudi?"

Caj pengeluaran yang dikenakan akan dikreditkan semula ke dalam Akaun Simpanan-i pemegang kad dalam tempoh satu minggu selepas pengeluaran dilakukan.

8. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1-300-80-5454
- Pusat Kad Bank Rakyat: 03-26936880
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/X)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.